

# Hubungan Antara Motivasi Dan Persepsi Terhadap Latihan Mengajar Oleh Guru Pelatih

*The Relationship Between Motivation and Perception of Teaching Practice by Trainee Teachers*

Fazlinda Ab Halim<sup>1</sup>, Arabiah Ain Ali <sup>1</sup>, Wan Hanim Nadrah Wan Muda<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;

Article progress

Accepted: 3 May 2021

Reviewed: 18 May 2021

Published: 30 November 2021

\*Corresponding author:

Fazlinda Ab Halim,  
Fakulti Pendidikan Teknikal  
dan Vokasional, Universiti Tun  
Hussein Onn Malaysia;  
Email: fazlin@uthm.edu.my

**Abstrak:** Motivasi guru memainkan peranan yang penting sebagai persediaan menjadi guru sebelum melangkah ke dunia realiti sebagai seorang pendidik. Tiga aspek yang disentuh berkaitan motivasi guru pelatih iaitu intrinsik, altruistik dan ekstrinsik. Manakala persepsi guru pelatih dilihat menerusi perspektif pengalaman, pengetahuan dan pembelajaran sepanjang menjalani latihan mengajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap motivasi guru pelatih dan persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar setelah menjalani latihan mengajar serta hubungan antara pembolehubah tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Seramai 80 orang pelajar terlibat sebagai responden merupakan pelajar Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) yang mempunyai pengalaman dalam latihan mengajar. Instrumen kajian berbentuk soal selidik digunakan dalam mengumpul data. Data kajian dianalisa secara deskriptif dan inferensi menggunakan skor min, sisisian piawai dan korelasi Pearson. Dapatkan kajian menunjukkan guru pelatih mempunyai tahap motivasi yang tinggi sewaktu menjalani Latihan Mengajar. Persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar pula menunjukkan nilai min yang tinggi. Terdapat hubungan yang positif yang kuat antara motivasi dengan persepsi guru pelatih setelah selesai menjalani latihan mengajar. Persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar sedikit sebanyak mempengaruhi tahap motivasi guru-guru tersebut. Kepentingan menjaga momentum motivasi adalah penting agar sesi latihan mengajar tersebut dapat berjalan lancar dan guru pelatih terus kekal positif untuk menjalani latihan mengajar.

**Kata kunci:** guru pelatih; latihan mengajar; motivasi; persepsi guru pelatih

**Abstract:** Teacher motivation plays an important role as the preparation before entering the real world as educators. There are three aspects related to the motivation of trainee teachers, namely intrinsic, altruistic and extrinsic. While the perception of trainee teachers is seen through the perspective of experience, knowledge and learning throughout the teaching practice. The purpose of this study was to determine the level of motivation of trainee teachers and the perception of the trainee teachers towards teaching practice and also the relationship between both variables. This study was conducted through a quantitative approach. A total of 80 students involved as respondents are Bachelor students in the Faculty of Technical and Vocational Education (FPTV) who have experience in teaching practice. Research instruments in the form of questionnaires were used in collecting data. The data were analyzed descriptively and inferentially using mean scores, standard deviations and Pearson correlations. The analysis of the data shows that the trainee teachers have high motivation level throughout the teaching practice. The trainee teachers' perceptions towards teaching practice show a high mean score value. There is a strong positive relationship between motivation and the perception of trainee teachers after undergoing teaching practice. Trainee teachers' perceptions towards teaching practice to some extent affect the level of motivation of these teachers. The importance of maintaining motivational momentum is a crucial part to make sure the teaching

*practice runs smoothly and trainee teachers always are positive towards the teaching practice.*

**Keywords:** *trainee teachers; teaching practice; motivation; perception of trainee teachers*

## Pengenalan

Dengan tercetusnya Pendidikan Abad ke-21 dan Pendidikan 4.0, cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah amat besar. Guru perlu sedar akan segala perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan dan pendekatan menjadi guru ketika mengajar di dalam kelas juga berubah. Ilmu asas menjadi guru seperti cara mengajar yang bukan sahaja tertumpu kepada dimensi yang boleh dilihat dari luaran semata tetapi perlu juga dinilai dan dikaji dari sudut personal, rasional dan peningkatan berperingkat untuk membentuk guru berkualiti (Cuenca, 2010).

Latihan mengajar atau praktikum bertujuan untuk memberi kesediaan kepada pelajar akan situasi sebenar menjadi guru dan melihat keberkesanan teknik dan kemahiran yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas (Gilewski, 2017). Melalui proses latihan mengajar, guru pelatih akan menimba pengalaman dan pengetahuan terutama dalam mengasah kemahiran pengurusan kelas juga membantu menaikkan keyakinan diri (Dierking & Fox, 2013). Segala pengetahuan dan pengalaman berharga ketika menjalani latihan mengajar adalah komponen penting untuk persediaan guru-guru pelatih ini sebelum ditempatkan di mana-mana sekolah atau institusi pendidikan.

Isu mengatakan tenaga pengajar tidak professional dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik merupakan cabaran kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (Saidatul Amira & Irdyanti, 2018). Hal ini, perlu diatasi secara proaktif dengan memastikan bakal-bakal guru mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menjadi seorang guru. Pelbagai cabaran yang didepani oleh para guru amat mempengaruhi motivasi seseorang guru itu. Ini adalah elemen yang sangat penting kerana motivasi seorang guru itu sendiri adalah penggerak utama bagi menggalakkan usaha dalam pendidikan (Kumari, 2017). Motivasi yang ada pada guru adalah sebuah kemahiran yang sangat penting dalam mempengaruhi diri sendiri ketika mengajar dan mampu memberi pengaruh baik kepada pelajar agar bermotivasi untuk belajar (Blaskova, Blasko, Figurska, & Sokol, 2015).

Oleh itu, kajian ini akan menfokuskan kepada dua aspek utama iaitu motivasi guru pelatih dan persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji tahap motivasi, persepsi guru pelatih setelah selesai menjalani latihan mengajar dan hubungan antara kedua-dua pembolehubah tersebut.

## Metodologi

Data dikumpulkan daripada guru pelatih dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif-korelasi dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data. Seramai 387 pelajar Ijazah Sarjana Muda yang telah menjalani latihan mengajar dan sebanyak 80 guru pelatih diperlukan sebagai sampel kajian untuk mewakili populasi tersebut. Berdasarkan penentuan sampel saiz oleh Cohen (1988).

Instrumen kajian ini mengandungi empat bahagian (A, B dan C): Bahagian A meliputi demografi responden, Bahagian B berkaitan motivasi guru pelatih yang diadaptasi daripada kajian Sharif, Hossan, dan McMinn (2014) manakala untuk Bahagian C pula merujuk kepada persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar yang diadaptasi daripada kajian Nuangchalearn (2016). Sekumpulan 30 guru pelatih telah dipilih sebagai responden dalam kajian rintis untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen. Kebolehpercayaan instrumen ditentukan menerusi alpha Cronbach. Kebolehpercayaan instrumen bagi item-item dalam konstruk motivasi guru pelatih ialah 0.716 dan persepsi guru pelatih ialah 0.825. Data kajian sebenar yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 24.0. Analisis data melibatkan data deskriptif iaitu frekuensi, min dan sisihan piawai. Analisis bagi hubungan antara pembolehubah ditentukan dengan menggunakan pekali korelasi Pearson ( $r$ ).

## Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian dilaporkan berdasarkan tiga aspek, iaitu demografi responden, motivasi, persepsi guru pelatih dan hubungan antara pembolehubah. Kajian yang

melibatkan seramai 80 orang responden yang terdiri daripada 41 orang (51.30%) responden lelaki dan perempuan 39 orang (48.8%). Seterusnya adalah analisis pada bahagian B iaitu motivasi. Instrumen motivasi mengandungi 11 item. Jadual 4 menunjukkan konstruk item bagi motivasi guru pelatih, min dan sisihan piawai. Skor min tertinggi ialah pada item pertama iaitu dengan nilai 4.713. Item ke 10 mencatatkan nilai skor min terendah iaitu 3.813. Skor min keseluruhan bagi konstruk ini ialah 4.258.

**Jadual 4: Skor min dan sisihan piawai bagi motivasi guru pelatih**

Item	Konstruk	Min	Sisihan piawai
1	Saya seronok bekerja dengan penglibatan pelajar.	4.713	0.508
2	Saya ingin menjadi sebahagian dalam pembaharuan sistem pendidikan di Malaysia.	4.213	0.650
3	Pelajar memerlukan saya dalam pembangunan diri mereka.	4.063	0.643
4	Saya ingin berkongsi pengetahuan dengan pelajar.	3.888	0.616
5	Saya memang ingin menjadi seorang guru.	4.813	0.393
6	Suasana alam pekerjaan di sekolah adalah baik.	4.363	0.484
7	Kerjaya sebagai pengajar sesuai dengan kehidupan berkeluarga – ada masa bersama keluarga.	4.200	0.906
8	Gaji sebagai guru adalah tinggi / menarik.	4.450	0.501
9	Saya ingin berseronok apabila semasa cuti sekolah tiba.	3.938	0.752
10	Mengajar akan menjanjikan saya mendapat pekerjaan selepas saya bergraduasi.	3.813	0.731
11	Profession saya sebagai guru mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat.	4.388	0.755
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.258</b>	<b>0.310</b>

Jadual 5 menunjukkan analisis persepsi guru pelatih daripada aspek pengalaman, pengetahuan dan pembelajaran. Merujuk kepada analisis terhadap

konstruk ini, item 3 dan item 4 masing-masing mempunyai skor min 3.388 dan 3.625 iaitu agak rendah berbanding item lain. Item-item yang lain mendapat skor min antara 4.30 hingga 4.70 yang menunjukkan nilai skor min yang tinggi.

**Jadual 5: Skor Min dan sisihan piawai bagi persepsi guru pelatih**

Item	Konstruk	Min	Sisihan piawai
1	Pengalaman Latihan Mengajar mempunyai kaitan dengan kursus pengajian di universiti.	4.438	0.726
2	Latihan Mengajar mendorong saya untuk memahami apa yang dipelajari dengan kursus pengajian di universiti.	4.463	0.745
3	Latihan Mengajar membantu saya memahami kehidupan masyarakat setempat.	3.388	0.961
4	Latihan Mengajar memberi pengetahuan tentang kehidupan masyarakat setempat.	3.625	0.933
5	Latihan Mengajar memberi saya pengalaman hidup sebenar dunia pekerjaan.	4.525	0.551
6	Latihan Mengajar penting untuk memberi pengalaman sebagai persediaan menjadi pengajar dan pengetahuan.	4.563	0.499
7	Latihan Mengajar penting untuk memberi pengetahuan sebagai persediaan menjadi pengajar.	4.525	0.503
8	Latihan Mengajar menggalakkan perkongsian pengetahuan dengan pelajar.	4.500	0.616
9	Latihan Mengajar mendidik guru pelatih bekerja secara sistematik.	4.700	0.461
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.088</b>	<b>0.343</b>

Jadual 6 pula menunjukkan hasil analisis ujian korelasi bagi melihat hubungan antara persepsi guru pelatih selepas menjalani latihan mengajar dengan motivasi. Merujuk kepada Jadual 6, persepsi dan

motivasi guru pelatih menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif ( $p<0.05$ ) dengan nilai  $r = 0.50$ . Ini membuktikan terdapat hubungan yang kuat antara motivasi dengan persepsi guru pelatih pelajar Sarjana Muda FPTV selepas menjalani latihan mengajar.

**Jadual 6: Hubungan Persepsi Guru Pelatih Selepas Menjalani Latihan Mengajar dengan Kemahiran Pengurusan Kelas dan Motivasi Guru Pelatih**

Korelasi	Persepsi	
Kemahiran Pengurusan	Korelasi Pearson	0.117
Kelas	Sig. (2-tailed)	0.303
Motivasi	Korelasi Pearson	0.500
	Sig. (2-tailed)	0.000

### Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi guru pelatih adalah tinggi. Maka, guru pelatih bermotivasi terdorong kerana ingin melihat orang lain mendapat kebaikan terutamanya dalam bidang pendidikan. Ini menunjukkan guru pelatih mempunyai persediaan yang cukup dari segi mental dan fizikal. Guru yang tinggi motivasi akan memberi impak positif pada akademik pelajar kerana mempunyai hubungan yang signifikan (Jaafar & Md Johan, 2009).

Pengetahuan dan pemahaman guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar untuk mendapatkan pengalaman adalah penting kepada individu tersebut dan juga institusi pendidikan kerana dapat memberi maklumat tentang perkembangan pelatih-pelatih semasa menjalani tempoh latihan mengajar (Ozdas, 2018). Persepsi guru pelatih terhadap program latihan mengajar yang dilaluinya adalah positif dan berada pada tahap yang tinggi. Guru pelatih menyatakan pengalaman yang mereka peroleh semasa latihan mengajar mempunyai kaitan dengan kursus universiti serta input-input daripada mata pelajaran di universiti. Dapatan kajian ini selari dengan kajian lepas oleh Amankwah, Oti-Agyen dan Sam (2017).

Terdapat hubungan yang signifikan diantara motivasi guru pelatih dengan persepsi guru pelatih selepas menjalani latihan mengajar. Ini memberi penjelasan bahawa motivasi guru pelatih harus sentiasa pada tahap terbaik dan pihak fakulti atau universiti harus peka akan motivasi guru pelatih kerana ini akan mempengaruhi persepsi mereka terhadap latihan mengajar. Kajian lepas ada menyatakan motivasi yang

tinggi mendorong guru pelatih untuk terus bersemangat dan membentuk persepsi yang positif terhadap latihan mengajar (Mohd Nor, Mahamod, & Badusah, 2011). Selain itu, guru pelatih menyatakan daripada pengalaman menjalani latihan mengajar mampu memberi kesan dari segi motivasi dan mengajar (Ismail & Jarrah, 2019). Pembentukan identiti profesional bermula daripada sebelum memulakan latihan mengajar lagi dan akan terus berkembang apabila mula menjalani tempoh latihan mengajar hingga tahun pertama mula mengajar dan fasa ini sangat penting sama ada guru terbentuk menjadi guru profesional (Chong, Low, & Goh, 2010).

### Kesimpulan

Tempoh guru pelatih dalam menjalani latihan mengajar sangat penting di mana pelajar akan belajar menjadi guru sebenar di tempat di sekolah. Motivasi guru pelatih dan persepsi perlu sentiasa berada pada tahap terbaik supaya lebih bersedia untuk mengajar kelak.

### Rujukan

- Amankwah, F., Oti-Agyen, P., & Sam, F. K. (2017). Perception of pre-service teachers' towards the teaching practice programme in college of technology education, University of Education, Winneba. *Journal of Education and Practice*, 8(4), 13–20.
- Blaskova, M., Blasko, R., Figurska, I., & Sokol, A. (2015). Motivation and Development of the University Teachers' Motivational Competence. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 182, 116–126. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.746>
- Chong, S., Low, E. L., & Goh, K. C. (2010). Emerging Professional Teacher Identity of Pre-Service Teachers. *Australian Journal of Teacher Education*, 36(8), 50-64. <https://doi.org/EJ937005>
- Cohen, J. (1988). Statistical power analysis for the behavioural sciences / jacob cohen (2nd ed.). In *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*.
- Cuenca, A. (2010). Self-Study Research: Surfacing the Art of Pedagogy in Teacher Education. *Online Submission*, 3(2), 15–29.

Dierking, R. C., & Fox, R. F. (2013). "Changing the Way I Teach": Building Teacher Knowledge, Confidence, and Autonomy. *Journal of Teacher Education*, 64(2), 129–144. <https://doi.org/10.1177/0022487112462893>

Gilewski, C. D. (2017). *Preservice teachers' beliefs: An examination of how educational experiences shape elementary preservice teachers' beliefs about teaching and learning - Education Database - ProQuest* (The University of Memphis).

Ismail, S. A. A., & Jarrah, A. M. (2019). Exploring pre-service teachers' perceptions of their pedagogical preferences, teaching competence and motivation. *International Journal of Instruction*, 12(1), 493–510. <https://doi.org/10.29333/iji.2019.12132a>

Jaafar, A. G., & Md Johan, O. (2009). *Hubungan Antara Motivasi Guru dengan Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia

Kumari, N. (2017). Teacher Motivation and Perception of Effectiveness of Curriculum. *Bhatter College Journal of Multidisciplinary Studies*. <https://doi.org/10.25274/bcjms.v7>

Mohd Nor, U. N., Mahamod, Z., & Badusah, J. (2011). Penerapan Kemahiran Generik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(i), 71–84.

Nuangchalerm, P. (2016). Local Service Learning in Teacher Preparation Program. *Journal of Education and Learning*, 10, 8–14. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v10i1.2821>

Ozdas, F. (2018). Pre-Service Teachers' Perceptions with Regard to Teaching- Learning Processes. *Journal of Education and Learning*, 7(3), 188. <https://doi.org/10.5539/jel.v7n3p188>.

Saidatul Amira, H., & Irdayanti, M. N. (2018). Menerokai Dimensi Guru Teknikal Dalam Sistem Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. *National E-Learning Conferences, At Politeknik Port Dickson*.

Sharif, T., Hossan, C. G., & McMinn, M. (2014). Motivation and Determination of Intention to Become Teacher: A Case of B.Ed. Students in UAE. *International Journal of Business and Management*, 9(5), 60–73. <https://doi.org/10.5539/ijbm.v9n5p60>